

24 OCT 2003

Rais-Anwar

POLIS PERLU SIASAT DAKWAAN TV AUSTRALIA YANG BOLEH JEJAS IMEJ M'SIA

PETALING JAYA, 24 Okt (Bernama) -- Polis perlu menyiasat kesahihan dakwaan bahawa Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIT) yang pernah dianggotai bekas Timbalan Perdana Datuk Seri Anwar Ibrahim, membiayai kegiatan penganas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim hari ini berkata dakwaan itu yang didedahkan sebuah televisyen Australia, tidak boleh diterima bulat-bulat tanpa sebarang siasatan rapi.

Program Dateline siaran TV SBS turut mengaitkan Kempen Antarabangsa Untuk Bebaskan Anwar (IFAC), kepada penyumbang kewangan Al-Qaeda dengan menamakan Rahim Ghouse, pemimpin IFAC yang beroperasi di Melbourne serta rakan niaganya Dr Wan Hasni Sulaiman, mempunyai hubungan perniagaan dengan Sheikh Yassin Al-Qadi, yang didakwa Amerika Syarikat (AS) pihak yang membiayai kegiatan penganas dan diisytihar penganas di Singapura.

Selain itu, stesyen televisyen itu juga mendedahkan IIT telah menghantar kira-kira RM300,000 kepada anak perempuan Anwar, Nurul Izzah sebagai biasiswa.

Polis harus siasat dan buat kepastian sama ada dakwaan ini benar atau tidak. Jika benar barulah undang-undang anti terrorisme atau undang keselamatan dikenakan terhadap pihak berkenaan, katanya.

"Mungkin juga ini satu permainan antarabangsa untuk memburukkan nama Malaysia," menurut Dr Rais selepas menghadiri rumah terbuka Timbalan Presiden MIC Datuk S. Subramaniam di sini.

Rais berkata beliau berpendapat laporan itu mungkin dilakukan oleh sesetengah pihak di AS atau blok negara lain yang bencikan Asia Tenggara.

Pada sidang media itu, Rais turut ditanya mengenai tindakan kumpulan pendesak Yahudi di AS supaya pelabur dan pelancong memulau Malaysia berikutan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang didakwa anti-Semitik.

Pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) minggu lepas, ucapan Dr Mahathir telah dipetik di luar konteks oleh agensi berita luar negeri.

Menurut Rais, jika perbuatan boikot itu benar-benar berlaku, Malaysia boleh mengadu kepada Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) menerusi Amalan Dagangan Adil bagi mendapat keadilan.

"Malaysia tidak kekurangan peluang untuk mengambil tindakan (undang-undang) jika ini sesungguhnya berlaku," jelas beliau.

Pada masa yang sama, Rais berkata tindakan kumpulan pendesak Yahudi itu turut membuktikan kebenaran kenyataan Dr Mahathir bahawa Yahudi menguasai dunia.

-- BERNAMA

MOT NER JM LAT